



KETUA SETIAUSAHA
(Secretary General)

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
(Ministry of Housing and Local Government)

Aras 17

No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +(6)03 - 8891 5003
Faks : +(6)03 - 8891 5558

Rujukan : KPCT.800-7/2/1-JLD. 5 (59)
Tarikh : 21 Mac 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAN LANGKAH-LANGKAH
PENCEGAHAN WABAK COVID-19 DI SKIM STRATA**

Dengan hormatnya Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai Covid-19 yang diumumkan pada tarikh 16 Mac 2020 adalah dirujuk.

2. Berdasarkan kepada perutusan tersebut, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [P.U(A)91/2020], melalui Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan Akta Polis 1967 [Akta 344].
3. Antara tindakan utama yang dilaksanakan melalui perintah tersebut termasuklah:
 - i. larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara;
 - ii. sekatan perjalanan ke luar negara bagi rakyat Malaysia dan kemasukan pelancong serta pelawat asing; **dan**
 - iii. penutupan premis perniagaan, institusi pendidikan, taska dan premis kerajaan melainkan perkhidmatan penting (*essential services*).


4. Sehubungan itu, dimohon kerjasama semua Pesuruhjaya Bangunan untuk menggesa pematuhan perintah tersebut kepada semua pihak yang mendiami dan terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan sesebuah skim strata.
5. Antara cadangan berkenaan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi memastikan pematuhan perintah tersebut meliputi:
 - i. menghadkan pergerakan di seluruh skim strata melainkan bagi urusan-urusan kritikal seperti perubatan, pembersihan dan pembekalan makanan;
 - ii. mematuhi sekatan perjalanan ke luar negara bagi rakyat Malaysia dan kemasukan pelancong dan pelawat asing ke skim strata masing-masing;
 - iii. membatalkan, menangguhkan dan mengelakkan sebarang acara yang melibatkan perhimpunan ramai termasuk Mesyuarat Agung serta Mesyuarat Agung Luar Biasa (AGM/EGM);
 - iv. mengamalkan jarak sosial (*social distancing*) dalam lingkungan sekurang-kurangnya 1 meter di antara individu serta mengamalkan langkah-langkah pencegahan, kawalan serta sanitasi Covid-19 sebagaimana yang diwar-warkan oleh pihak berkuasa dari masa ke semasa;
 - v. harta bersama yang tidak kritikal seperti seperti dewan, gymnasium, kolam renang, sauna, taman permainan dan surau hendaklah ditutup serta disekat akses kepada orang ramai di sepanjang tempoh kuatkuasa PKP;

- vi. melaksanakan penutupan premis perniagaan, institusi pendidikan serta taska di skim strata melainkan perkhidmatan penting (*essential services*);
 - vii. menangguhkan segala kerja pengubahsuaian (*renovation*) atau kerja pembaikan/penyenggaraan yang tidak kritikal
 - viii. Pejabat pengurusan (*Management Office*) dan Ejen Pengurusan yang menguruskan mana-mana perkhidmatan penting (*essential services*) di skim strata hendaklah menjalankan operasi pada kadar minima dalam *mode pelaksanaan* yang bersesuaian (sebarang transaksi atas talian amat digalakkan) dan pejabat pengurusan hendaklah ditutup kepada orang awam. Walau bagaimanapun, tindakan ini hendaklah tidak menjelaskan pengoperasian pejabat bagi memastikan perkhidmatan penting (*essential services*) dapat dilaksanakan dengan sempurna. Saluran komunikasi yang sentiasa aktif serta berupaya bertindak (*active and actionable communication channel*) hendaklah diwujudkan bagi membolehkan sebarang maklumat dan aduan disalurkan serta memastikan tiada perkhidmatan penting mengalami gangguan atau tergendala.
6. Senarai perkhidmatan penting di skim strata adalah sebagaimana yang disenaraikan melalui **Lampiran A** yang disertakan.
7. Sedemikian, amatlah diharapkan agar semua pihak yang mendiami dan terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan sesebuah skim strata dapat mematuhi langkah-langkah tersebut demi membendung penularan wabak COVID-19.

8. Sesungguhnya atas perhatian dan kerjasama yang diberikan dalam urusan ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih juga. Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SR HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK)

Salinan kepada:

- (i) YBhg. Ketua Setiausaha Negara
- (ii) YB Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
- (iii) YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan
- (iv) YBhg. Ketua Pengarah MKN

LAMPIRAN A

SENARAI PERKHIDMATAN PENTING (ESSENTIAL SERVICES) DI SKIM STRATA

PERKHIDMATAN	KOMPONEN KRITIKAL
Pengurusan Skim Strata/ Pengurusan Harta (Property Management)	<p>Operasi pengurusan kritikal:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Bekalan airii. Bekalan elektrikiii. Perkhidmatan telekomunikasiiv. Perkhidmatan pembetunganv. Perkhidmatan pembersihan dan pengurusan sisa pepejalvi. Perkhidmatan jentera mekanikal dan elektrik (<i>mechanical /electrical machineries</i>) terutamanya lifvii. Perkhidmatan kawalan keselamatanviii. Perkhidmatan perubatan